

LAPORAN TAHUNAN

MPS

2017



MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG © 2018

DITERBITKAN OLEH

JABATAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS,Persiaran 3,Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya,bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800
Fax:+603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my

Laporan Tahunan 2017

Majlis Perbandaran Selayang

Kandungan

pengenalan

Misi, Visi, Objektif MPS	15	Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan	28
Tentang MPS	08	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan	28
Perutusan Yang Dipertua	12	Jabatan Landskap	28
Piagam Pelanggan & Bunga Rasmi MPS	14	Jabatan Pelesenan	28
Rasional Logo MPS	16	Jabatan Perancang Bandar	28
Lagu Rasmi MPS	17	Jabatan Kejuruteraan	28
Kawasan Pentadbiran MPS	18	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	28
Demografi Penduduk	19	Jabatan Pembangunan Masyarakat	28
Barisan Pengurusan MPS	20	Jabatan Audit Dalam	28
Ahli Majlis MPS	21	Jabatan Kontrak & Ukur Bahan	28
		Jabatan Teknologi Maklumat	28
		Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	28
		Jabatan Pusat Setempat (OSC)	28
		Unit Integriti	28
		Bahagian Urus Setia	28

maklumat asas

Pegangan Harta dan Pasar	22		
Institusi Pendidikan dan Pusat ICT	23		
Kemudahan Riadah, Sukan dan Komuniti	24		
Anugerah MPS 2016	25		

kewangan

Penyata Kedudukan Kewangan 2016	26		
Penyata Prestasi Kewangan 2016	27		
Sijil Ketua Audit Negara	28		

laporan jabatan

Jabatan Perpendaharaan	26		
Jabatan Perundangan	27		
Jabatan Khidmat Pengurusan	28		
Jabatan Korporat	28		
Jabatan Bangunan	28		

Pelancongan

Kawasan Pelancongan MPS	101
-------------------------	-----

aktiviti

Aktiviti Tahunan MPS	104
----------------------	-----

media

Keratan Akbar	110
---------------	-----

MISI MPS

***MENJADIKAN SELAYANG KAWASAN PERBANDARAN YANG MAMPAH,
PROGRESIF DAN SEJAHTERA MENJELANG 2015***

VISI MPS

***MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERSEPADU KEPADA
WARGA SELAYANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MELALUI SISTEM
PENYAMPAIAN YANG CEKAP, EFEKTIF DAN PROAKTIF***

OBJEKTIF MPS

- ***Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.***
- ***Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.***
- ***Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.***
- ***Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.***
- ***Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai "Kawasan Taman Dalam Bandar".***
- ***Mengeratkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.***
- ***Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.***

Tentang MPS



MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG.....

terletak di daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Daerah Kuala Selangor (MDKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sebelah barat daya.

Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduknya berjumlah 560,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (285,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (199,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (76,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 peratus kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam dan Tasik Biru Kundang.

Terdapat 9 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjelaskan kualiti alam sekitar.



Majlis Daerah Gombak (MDG) mula beroperasi pada 1 Januari 1977 dan kawasan pentadbirannya adalah meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu, Mukim Setapak dan sebahagian Mukim Ulu Klang

MAJLIS DAERAH GOMBAK

1977



N

1992

PENUBUHAN MAJLIS AMPANG JAYA

Mukim Hulu Klang yang merupakan sebahagian kawasan MDG menjadi sebahagian Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

1997

PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1997 meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu dan sebahagian Mukim Setapak.

Majlis pecah Tanah dan pembinaan menara MPS

Majlis Daerah Gombak (MDG) mula beroperasi pada 1 Januari 1977 dan kawasan pentadbirannya adalah meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu, Mukim Setapak dan sebahagian Mukim Ulu Klang

PERASMIAN MENARA MPS

2004




Menjelang 15 Tahun pentadbirannya, MPS terus mengorak langkah sebagai PBT terunggul dengan memastikan Perbandaran Selayang sentiasa Mampan, Progresif dan Sejahtera.

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatnya, Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Selayang 2017 dapat di terbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.



Pada tahun 2017 ini, MPS lebih giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana kemudahan awam untuk orang ramai. Berteraskan kepada Pelan Strategik MPS 2011-2015, MPS telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan. Aspek integriti mula diserapkan dan akan menjadi tunjang dalam setiap tindakan dan kita perlu bertindak pantas serta proaktif dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Berfikiran secara kreatif dan inovatif di samping penerapan nilai-nilai bersama iaitu setia, amanah, proaktif, integriti dan semangat berpasukan digalakkan dalam usaha memupuk budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan 30 November 2017, MPS telah berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2017 sebanyak RM 83.25 juta (86.24%) daripada 96.53 juta. Manakala bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 7.53 juta (68.20%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 11.04 juta. Pihak MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 06 Oktober 2017.

Pelbagai kejayaan telah kita raih bersama-sama pada tahun 2017. Antara pencapaian manis yang kita bersama rangkul ialah kejayaan mengekalkan pensijilan MPS ISO 9001-2008 di audit pemantauan kedua SIRIM pada bulan Jun 2017. MPS juga telah berubah daripada amalan 5S kepada EKSA yang telah diluluskan pada Julai 2017. Di samping itu, MPS turut berjaya mengungguli tempat pertama di Anugerah Konvensyen MPC Zon Selatan serta menerima Anugerah Emas 2 Bintang di dalam Annual Productivity & Innovation Conference Exposition (APIC 2017).

Manakala dari segi pengurusan kewangan, MPS telah dianugerahkan dengan Anugerah 4 Bintang dalam Anugerah Indeks Akuantabiliti Pengurusan

— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

Kewangan (AI).

Dalam aspek sukan, tahun 2017 menyaksikan banyak pencapaian luar biasa di mana MPS telah berjaya menganjurkan dengan jayanya pelbagai acara sukan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Antaranya, Kejohanan Kundang Jetsports Challenge untuk kali ke-7, Kejohanan Gua Damai International Base Jump, Selangor Mountain Bike 2017 dan beberapa lagi. Pencapaian di dalam penyertaan sukan juga tidak kurang membanggakan di mana Pasukan Ping Pong MPS telah berjaya meraih pingat gangsa di Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MPS yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapi oleh MPS. Saya berharap kegemilangan dan kecemerlangan ini akan dapat diteruskan pada tahun 2017.

Sekian, Terima Kasih.



Suliman Abd Rahman A.M.S, P.P.T.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang

PIAGAM PELANGGAN

- *Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.*
- *Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.*
- *Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.*
- *Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sewaan secara adil.*
- *Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisien supaya pembangunan tanah mencapai imbalan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.*
- *Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.*

BUNGA RASMI MPS

BUNGA SIANTAN PENGELASAN SAINTIFIK

Alam	:	Tumbuhan
Divisi	:	Magnoliophyta
Kelas	:	Magnoliopsida
Order	:	Gentianales
Famili	:	Rubiaceae
Genus	:	Ixora
Spesies	:	I. jawa
Binomial	:	Ixora jawa



RASIONAL LOGO MPS



Secara umumnya, logo MPS melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan, tanggungjawab sebagai Pengguna Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan Slogannya "Mampan, Progresif, Sejahtera".



Melambangkan MPS di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.




Melambangkan kejituan dan keteguhan semangat untuk membangunkan MPS selaras dengan wawasan dan matlamat organisasi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.



Melambangkan perkembangan pembangunan perumahan, perindustrian dan pengelalan alam sekitar yang seimbang dan terancang.




Melambangkan MPS sebagai pusat perkembangan penyelidikan dan pembangunan dengan wujudnya Bandar Ilmu.




KAWASAN PENTADBIRAN

Demografi Penduduk

analisa **demografi terkini**^{1,2}



analisa **isi rumah**^{1,2}



Purata Saiz Isi Rumah
4.1 orang / Isi Rumah

jumlah populasi **berdasarkan gender dan ratio gender**^{1,2}

wanita

48.3% (331,446)



lelaki

51.7% (350,760)



¹Data : Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035

²Analisa Demografi Adalah Untuk Keseluruhan Daerah Gombak

BARISAN PENGURUSAN MPS 2017

Tn. Suliman bin
Abd Rahman A.M.S. P.P.T
Yang Dipertua MPS



Dato' Juhari bin Ahmad
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
*Timbalan
Yang Dipertua MPS*



Tn. Hj. Az'har bin Samsuri
Perbendaharaan



Pn. Zulaina binti Abu Talib
Khidmat Pengurusan



En. Mohamad Zin bin Masoad
Korporat



Pn. Sr. Norshima binti Norzlan
Penilaian & Pengurusan Harta



Pn. Noriza binti Bahar
Perancang Bandar

Tn. Hj. Sr. Azam bin Mohamad
Bangunan



En. Shaiful Nor Aidil Bin Mohd Jaya
Kejuruteraan



En. Abd. Razak bin Ahmad
Perundangan



En. Hairudin bin Daud
Pelesenan



En. Affendi bin Samingen
*Pengurusan Sisa Pepejal &
kesihatan*



Lt Kol. (B) Azmi bin Ismail
Penguatkuasa & Keselamatan



En. LAr. Mokhtar Affandi bin
Abdul Ghani
Landskap



Pn. Mazurah binti Mohamed
Pembangunan Masyarakat



En. Hasmawi bin Mat Junit
Teknologi Maklumat



Tn. Hj. Saifuddin B. Ahmad
Pusat Setempat (OSC)



En. Aminuddin bin Hussien
Pesuruhjaya Bangunan (COB)



Pn. Norhayati binti Ahmad
Audit Dalam



En. Hafizan bin Khamis
Kontrak & Ukar Bahan



En. Azhar bin Che Salleh
Urus Setia



En. Mohammad Faiz bin Omar
Integriti



AHLI MAJLIS MPS 2017

Tn. Suliman bin
Abd Rahman A.M.S. P.P.T
Yang Dipertua MPS

Dato' Juhari bin Ahmad
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
*Timbalan
Yang Dipertua MPS*



Tn. Mohamad Azizul bin
Abu Bakar
Zon 1



YAD, Tan Sri Dato' Paduka Raja
Dato' Hj. Wan Mahmood bin
Pa'wan Teh
Zon 2



Tn. A Rahim bin Ahmad Kasdi
Zon 3



Tn. Amir Fazlee bin Khalid
Zon 4



Tn. Syarhan Humaizi bin Halim
Zon 5



Tn. Ahmad Irfan bin Hani
Zon 6



Pn. Mazura binti Mokhtar
Zon 7



Tn. Viskineswara a/l
Batumalay
Zon 8



Tn. Lim Ching How
Zon 9



Tn. Mohd Fauzan bin Madzlan
Zon 10



Pn. Norazlin binti Md
Samsudin
Zon 11



Tn. Chua Wei Kiat
Zon 12



Tn. Yew Jia Haur
Zon 13



Tn. Md. Sabri bin
Md. Taib
Zon 14



Tn. Sulaiman bin
Abu Samah
Zon 15



Tn. Ang Tan Loong
Zon 16



Tn. Letchimanan a/l
Thathara
Zon 17



Tn. Durairatnam a/l
Selladurai
Zon 18



Tn. Ismail bin Hassan
Zon 19



Pn. Hjh Zailan binti Haji Jaafar
Zon 20



Tn. Ng Kok Chuan
Zon 21



Tn. Edry Faizal bin Eddy Yusof
Zon 22



Tn. Ng. Wei Keong
Zon 23



Tn. Fok Wai Mun
Zon 24

MAKLUMAT ASAS MPS 2017

Pegangan Harta dan Pasar

PEGANGAN HARTA

MPS memainkan peranan dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk, sesuai dengan perkembangan pesat yang dialami.



08% Perusahaan
03% Perniagaan
88% Rumah Kediaman
01% Harta-harta Khas

PASAR

Tujuan Majlis menyediakan tapak-tapak pasar ini adalah untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan perniagaan masyarakat setempat.

Majlis turut menyediakan beberapa buah pasar moden iaitu Pasar Moden Taman Sri Gombak, Bandar Country Homes, Pekan Rawang, Batu Arang, Pusat Penjaja Taman Ehsan Kepong dan Pasar Selayang Baru.



Institusi Pendidikan dan Pusat ICT

INSTITUSI PENDIDIKAN

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi yang terkemuka dan menjadi tumpuan pelajar dari dalam dan luar negara.

1 **21**

sekolah rendah
kebangsaan (SRK)

2 **14**

sekolah menengah
kebangsaan (SMK)

3 **03**

institut pengajian
tinggi awam (IPTS)

4 **01**

institut pengajian
tinggi swasta (IPTS)

5 **01**

sekolah agama
rakyat (SAR)



PUSAT ICT

Majlis sentiasa mengemaskini sistem teknologi maklumat untuk memenuhi kepuasan pelanggan dalam menerima maklumat dari MPS. Majlis berjaya membangunkan beberapa modul melalui Sistem Integrasi Majlis (SIM).

Majlis telah menyediakan kemudahan Pusat ICT untuk penduduknya iaitu Pusat Siber Rakyat yang terletak di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.



Kemudahan Riadah, Sukan dan Komuniti

Majlis Perbandaran Selayang komited dalam menyediakan kemudahan bagi kegunaan masyarakat setempat. Kemudahan yang disediakan terletak di lokasi strategik yang menjadi tumpuan dan mudah akses.

3 Jenis

KEMUDAHAN KESIHATAN



Hospital	02
Hospital Swasta	02
Klinik Kesihatan	10

Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh merupakan hospital utama yang memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk.

4 Jenis

KEMUDAHAN RIADAH DAN SUKAN



Padang Permainan Kanak-Kanak	179
Padang Bola	17
Taman Bunga dan Tasik	03
Kompleks Sukan	02

Stadium Selayang dan Kompleks Sri Siantan merupakan kemudahan sukan moden yang terdapat di kawasan Majlis.

5 Jenis

KEMUDAHAN KOMUNITI





Balai Raya	16
Dewan Serbaguna	12
Balai Polis	05
Balai Bomba	02
Perpustakaan Awam	01

Kemudahan Komuniti bertujuan memudahkan masyarakat mengadakan pelbagai aktiviti sosial dan memperkasakan semangat muhibah di kalangan masyarakat.

ANUGERAH MPS 2017

Bil.	Anugerah	Pencapaian
1.	Sijil Pengiktirafan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd	Sijil Penghargaan
2.	Anugerah Majikan Prihatin Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sempena Sambutan Hari Pekerja 2017	Sijil Penghargaan
3.	Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Bagi Sektor Awam (Pihak Berkuasa Tempatan) 2017 anjuran Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor (Kementerian Sumber Manusia)	Sijil Penghargaan
4.	Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017 (Kumpulan Thoifah) kategori Inovasi Sosial (penciptaan) pada 19 hingga 20 September 2017	Sijil Penghargaan Tempat Ke-3



ATE

hereby certify that


SELAYANG
U SELAYANG
S
-ISAN

contains a

SYSTEM

following standard

ies
/AL OF INFRASTRUCTURE AND PLANS, MANAGEMENT OF RATE F SERVICES, LEGAL AND CTOLOGY (STALLS AND STALLS), MANAGEMENT OF CLAIMS FOR IS FOR DEPOSIT OF DEBRIS, MANAGEMENT BODIES (JMB) LL FUNCTIONS FOR AYANG.



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBWER 2017

	NOTA	2017	2016 seperti yang dinyatakan semula	01.01.2016 seperti yang dinyatakan semula
		RM	RM	RM
ASET				
Aset Semasa:				
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	42,171,060	27,462,646	30,135,311
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	903,972	273,706	897,984
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	14,953,570	3,990,826	2,007,428
Simpanan Tetap	6	326,000,000	274,000,000	182,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	25,963,191	7,739,711	14,962,912
Inventori Bangunan	8	1,562,000	2,534,000	2,618,000
Jumlah Aset Semasa		<u>411,553,793</u>	<u>316,000,889</u>	<u>232,621,635</u>
Aset Bukan Semasa				
Hartanah, Loji dan Peralatan	9	43,768,965	49,903,074	51,091,922
Hartanah Pelaburan	10	8,761,239	1,955,294	1,246,146
Aset Tak Ketara	11	210,297	181,739	106,848
Aset Dalam Pembinaan	12	2,864,660	2,288,140	1,654,055
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>55,605,161</u>	<u>54,328,247</u>	<u>54,098,971</u>
Jumlah Aset		<u>467,158,954</u>	<u>370,329,136</u>	<u>286,720,606</u>
LIABILITI				
Liabiliti Semasa				
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	13	198,384,797	127,665,652	122,904,594
Akaun Amanah	14	119,777,776	86,156,513	39,622,497
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	405,435	447,850	541,211
Pinjaman Kerajaan Negeri	16	2,977,069	2,977,086	2,977,086
Pinjaman Sewa Beli	17	553,318	553,318	553,318
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>322,098,395</u>	<u>217,800,419</u>	<u>166,598,706</u>
Liabiliti Bukan Semasa				
Akaun Amanah	14	-	30,812,917	17,064,772
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	716,917	410,603	-
Pinjaman Kerajaan Negeri	16	1,523,851	4,500,903	7,441,972
Pinjaman Sewa Beli	17	1,143,017	1,225,298	1,750,691
Pendapatan Tertunda	18	318,890	400,216	371,960
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		<u>3,702,675</u>	<u>37,349,937</u>	<u>26,629,395</u>
Jumlah Liabiliti		<u>325,801,070</u>	<u>255,150,356</u>	<u>193,228,101</u>
Aset Bersih		<u>141,357,884</u>	<u>115,178,780</u>	<u>93,492,505</u>
EKUITI:				
Kumpulan Wang Majlis	19	141,357,884	115,178,780	93,492,505
Jumlah Ekuiti		<u>141,357,884</u>	<u>115,178,780</u>	<u>93,492,505</u>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	<u>NOTA</u>	2017	2016 seperti yang dinyatakan semula
		RM	RM
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	20	258,230,076	171,248,131
Urusniaga Pertukaran	21	19,848,810	15,153,399
Pelbagai Hasil	22	7,168,969	2,268,018
JUMLAH HASIL		<u>285,247,855</u>	<u>188,669,548</u>
PERBELANJAAN			
PERBELANJAAN MENGURUS			
Emolumen	23	53,924,224	46,223,736
Perkhidmatan dan Bekalan	24	52,736,624	98,847,689
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	25	1,212,417	5,156,947
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	26	14,850,286	12,725,360
		<u>122,723,551</u>	<u>162,953,732</u>
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Perkhidmatan dan Bekalan	27	134,342,638	3,763,294
Aset	28	7,028,829	504,829
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	29	293,691	-
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	30	185,544	-
		<u>141,850,702</u>	<u>4,268,123</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>264,574,253</u>	<u>167,221,855</u>
LEBIHAN BAGI TAHUN		<u>20,673,602</u>	<u>21,447,693</u>



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPS pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MPS dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis MPS bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MPS tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MPS yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MPS adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MPS, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MPS untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MPS secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MPS, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MPS.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MPS sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MPS atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MPS memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MPS telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(H.J. ROSLAN BIN ABU BAKAR A.M.N.)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
/MALAYSIA

SHAH ALAM
25 SEPTEMBER 2018



JABATAN **PERBENDAHARAAN**

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS. Jabatan ini diketuai oleh Tn. Hj. Az'har bin Samsuri sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh 68 orang kakitangan di bawahnya.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mewujudkan sistem perakaunan majlis perbandaran selayang dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip perakaunan, arahan perbendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan majlis.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan Mesyuarat Majlis dan menyediakan penyata Kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan hasil letak kereta Majlis.

- Bertanggungjawab ke atas kutipan dan penyimpanan hasil Majlis.


- Menerima bayaran cukai tanah Pejabat Tanah dan Daerah dan cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.



ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2017

Anggaran Hasil	Jumlah (RM)	%
Hasil Cukai	109,667,155	62
Hasil Bukan Cukai	57,777,795	33
Terimaan Bukan Hasil	9,955,050	6
Jumlah Hasil	177,400,000	100
Anggaran Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	54,250,323	44
Perkhidmatan Dan Bekalan	57,059,877	46
Aset	1,561,300	1
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	7,304,940	6
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	2,764,700	2
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	122,941,140	69
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan		
Perkhidmatan Dan Bekalan	52,269,340	96
Aset	1,473,520	3
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	440,000	1
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	276,000	1
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	54,458,860	31
Jumlah Perbelanjaan	177,400,000	100
Surplus / (Defisit)	0	

(BERIMBANG)



JABATAN PERUNDANGAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PERUNDANGAN

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan aktiviti menguruskan hal-hal perundangan undang-undang MPS termasuk hal-hal pendakwaan dan sivil, meneliti dan mengawasi kes yang melibatkan apa-apa tuntutan terhadap pihak MPS dan pada mana-mana pihak, memberi nasihat perundangan, menggubal undang-undang MPS, meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pegawai mengenai hal-hal undang-undang dan menentukan dan melaksanakan langkah awalan serta mengarahkan pendakwaan. Jabatan ini dipimpin oleh En. Abdul Razak bin Ahmad sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 26 orang kakitangan di bawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memberi nasihat dan pandangan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan MPS.
- Menggubal dan meminda undang-undang kecil majlis dari semasa ke semasa.
- Merangka kertas-kertas pertuduhan, sama ada aduan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang awam dan menjalankan pendakwaan di mahkamah iaitu sebutan dan perbicaraan.
- Mengambil tindakan ke atas guaman sivil.


PENCAPAIAN SASARAN TAHUN 2017

Perkara / Ulasan	Kuantiti/ Sasaran	Tempoh Jan-Dis 2016	Peratusan Pencapaian		Cacatan
			Kuantiti	Peratus	
Tawaran Mengkompaun	50,000 Notis	Jan-Dis	4,158 Notis	83.16%	-
Pendakwaan	1000 Kes	Jan-Dis	989 Kes	89.91%	-
Pendaftaran Kaveat Untuk kes-kes Tunggakan Cukai	100 Akaun	Jan-Dis	102 Akaun	102%	-
Tindakan Menuntut Tunggakan Cukai Melalui Panel Peguam	100 Akaun	Jan-Dis	45Akaun	45%	-
Semakan Undang-undang	6UUK	Jan-Dis	7 UUK	116.67%	PBT Selangor mempunyai UUK yang seragam

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

LAPORAN KOMPAUN

Perkara / Ulasan	Kuantiti
Notis Pemberitahuan Kesalahan dan Kompaun	12,494
Kompaun Dibayar	RM1,814,784.50
Kompaun Tidak Dibayar	RM7,448,975.00
Kompaun Batal	360



JABATAN **KHIDMAT PENGURUSAN**

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan MPS bertanggungjawab mengendalikan beberapa aktiviti utama iaitu menguruskan segala aspek perkhidmatan, penempatan, elauan, gaji, dan segala kemudahan dalam perkhidmatan, urusan pengambilan dan penempatan pegawai dan staf, merancang dan mengendalikan kursus/latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan jabatan, mengurus hal ehwal tatatertib, pengisytiharan harta dan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT), merancang dan menganjurkan keperluan perjawatan, struktur organisasi perjawatan dan mengemaskini sistem perkhidmatan. Jabatan Khidmat Pengurusan diketuai oleh Puan Zulaina binti Abu Talib sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu oleh 65 orang staf beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Khidmat Pengurusan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menguruskan Hal Ehwal Sumber Manusia seperti urusan pelantikan, kenaikan gaji, pengurusan cuti dan pencen, pinjaman perumahan dan tatatertib kakitangan majlis perbandaran selayang.
- Menguruskan dan menyelia latihan kakitangan seperti kursus, bengkel, seminar, mesyuarat luar serta peperiksaan untuk kakitangan.
- Menguruskan pembekalan aset dan stok bekalan pejabat termasuk perolehan dan pembayaran bagi perkhidmatan dan pembekalan.
- Menguruskan perlindungan insurans tanggungan awam, bangunan dan aset serta urusan panel perubatan kakitangan, pegawai dan ahli majlis.

Bahagian Pentadbiran

- Menguruskan kenderaan-kenderaan MPS berkaitan:
 1. Pergerakan kenderaan
 2. Kad Touch N Go
 3. Kad inden (Kad minyak)
 4. Cuci kenderaan
- Menguruskan Insuran MPS yang berkaitan:

1. Kebakaran
 2. Tanggungan Awam
 3. Kecurian
 4. Wang
 5. Kemalangan diri berkelompok
- Menguruskan insuran perubatan kakitangan seperti:
1. Tuntutan bayaran klinik luar kakitangan
 2. Tuntutan bantuan sara ubat kakitangan (IJN, LPPKN & Dialisis)
 3. Urusan panjar wang runcit
 4. Mengemaskini sistem elauan perubatan kakitangan



Unit Pentadbiran

- Laporan Lantikan Baharu Tahun 2017

KUMPULAN	Tetap	Kontrak	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	0	0	0
Pengurusan dan Profesional	1	1	1
Pelaksanaan - Sokongan I (Gred B& C)	13	35	48
Sokongan II (Gred D)	3	34	37
Jumlah	17	70	87

- Laporan Perjawatan MPS 2017

KUMPULAN	Tetap	Kontrak	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	1	0	1
Pengurusan dan Profesional	48	13	61
Pelaksanaan - Sokongan I (Gred B& C)	394	278	672
Sokongan II (Gred D)	282	78	360
Jumlah	725	369	1094



LAPORAN TAHUNAN 2017

Unit Dasar

- Pelaksanaan Kursus Tahun 2017
 - a) Kursus Dalaman : 106 kali
 - b) Kursus Luaran : 301 kali
- Jumlah Pencapaian Bilangan Staf Hadiri Kursus Tahun 2017

Bil. Hari Berkursus	Jumlah Kakitangan	Peratus %
0	10	0.96
1	57	5.44
2	65	6.21
3	81	7.74
4	96	9.17
5	78	7.45
6	83	7.93
>=7	577	55.11

- Pelaksanaan Sistem Aplikasi HRMIS Mengikut Modul Bagi Tahun 2017

Modul	Peratusan
Pemurnian Data Berintegriti (Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan)	100%
Pelaksanaan Fungsi Sasaran Kerja Tahunan	100%
Pelaksanaan Modul laporan Nilaian Prestasi Tahunan	100%
Pelaksanaan Submodul Perisyntiharhan Harta	100%

— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

Unit Operasi Taska Majlis

- Nisbah Kanak-Kanak:Pengasuh

Umur	Kadar Ditetapkan *JKM		Kadar Diambil	
	Bil. Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh	Bil. Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh
2 Tahun Ke Bawah	3	1	10	3
2 Hingga 5 Tahun	5	1	16	3
JUMLAH			26	6

- Jumlah Yuran Kanak-Kanak Taska MPS

Umur	Jumlah Yuran	Lokasi :
Bayi (0 – 1 Tahun 11 Bulan)	RM160.00	Kuarters Majlis Perbandaran Selayang No.3-107 & 3-108, Jalan 2/9A, Apartment Mas Merah, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Kanak-Kanak (2 Tahun – 3 Tahun 11 Bulan)	RM120.00	
Kanak-kanak (4 Tahun – 5 Tahun)	RM100.00	
JUMLAH KANAK-KANAK : 26 ORANG		
JUMLAH STAF : 7 ORANG		
(Seorang Penyelia)		



LAPORAN TAHUNAN 2017

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Menguruskan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang dari segi perkhidmatan pembekalan seperti:
 1. Perabot
 2. Alat tulis
 3. Bahan-bahan percetakan
 4. Barang-barang kelengkapan pejabat
- Meguruskan aset-aset alih MPS seperti:
 1. Perabot
 2. Alat Kelengkapan
- Meguruskan semua permohonan pembelian
- Menguruskan stor utama MPS yang mengandungi:
 1. Alat Tulis
 2. Percetakan



Laporan Pembekalan Aset 2017

Perkara	Kuantiti	RM
Harta Modal	46	224,343.72
Aset Bernilai Rendah	320	174,347.76
JUMLAH	366	398,691.48

Laporan Pembekalan Stok 2017

Perkara	Kuantiti	RM
Percetakan dan Penerbitan	1,586,521	476,112.00
Alat Tulis	34,738	354,669.75
Jumlah	1,621,259	830,781.75

JABATAN KORPORAT

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN KORPORAT

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Perhubungan Awam, Penerbitan, Aduan dan Inovasi. Jabatan Korporat diketuai oleh En Mohamad Zin bin Masoad sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 30 orang kakitangan dibawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat Majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada Media masa.
- Mengumpul keratan akhbar bagi berita berkaitan MPS untuk maklum balas tindakan.
- Menerima dan menyelaras aduan awam untuk tindakan.
- Mengendalikan segala urusan untuk acara-acara rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urus setia program kualiti dan penyertaan anugerah.

1. Perhubungan Awam

SENARAI PROGRAM MAJLIS RASMI MPS 2017

Lawatan Dan Turun Padang	Tarikh
Lawatan Delegasi Sri Lanka Ke MPS	10 Januari 2017
Skim Peduli Sihat MB	24 Januari 2017
Lawatan Pemerhati Urusetia Pematuhan Bagi Sistem Perakaunan & Kewangan	30 Januari 2017
Lawatan Delegasi Bangladesh Ke MPS	13 Februari 2017
Lawatan ANULAE MPS Ke Majlis Perbandaran Muar	02 April 2017
Lawatan Delegasi Sri Lanka Ke MPS	08 Ogos 2017
Lawatan Delegasi Korea Ke MPS	30 Oktober 2017
Lawatan MPS Ke Majlis Perbandaran Ipoh	11 September 2017
Jelajah Peduli Rakyat MB	15 Disember 2017
Majlis Rasmi	Tarikh
Gotong-royong Perdana EKSA	24 Januari 2017
Jualan Tapak Thaipusam	02 Februari 2017
Ikrar Bebas Rasuah	14 Februari 2017

— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

Program Semburan Aerosol	26 Februari 2017
	27 Mac 2017
Audit Dalam MS ISO 9001:2015	03 Mei 2017
<i>International Deuter Run Batu Arang</i>	07 Mei 2017
Majlis Penyerahan Kenderaan KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD Kepada Kontraktor di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	08 Mei 2017
Hari Wanita MPS	10 Mei 2017
Anugerah Khidmat Cemerlang	16 Mei 2017
Bazar Ramadhan Mampan	02 Jun 2017
Ihya Ramadhan	14 Jun 2017
Program Memasak Bubur Lambuk	15 Jun 2017
Program Masih Ada Yang Sayang	18 Jun 2017
Sambutan Hari Raya MPS	18 Julai 2017
Jualan Permit Bazar Ramadhan	19 Mei 2016
Majlis Makan Tenghari sempena Reward YDP	25 Mei 2016
Perhimpunan Bulanan Jun MPS	07 Jun 2016
Bazar Ramadhan Mampan	09 Jun 2016
Program Masih Ada Yang Sayang	16 Jun 2016
Perhimpunan Bulanan MPS	Sepanjang Tahun 2017
Mesra Rakyat MPS	Sepanjang Tahun 2017
Bengkel, Taklimat Dan Mesyuarat	Tarikh
Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif MPS 2016	29 Februari 2016
Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam	02 Mac 2016
Kursus Hak Wanita	18 Mac 2016
Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif MPS 2016	21 Mac 2016
Mesyuarat Penuh Mac MPS	30 Mac 2016
Bengkel Local Agenda 21 MPS	05 April 2016
Bengkel MS ISO 9001:2008 di Melaka	13 April 2016
Mesyuarat Penuh April MPS	17 April 2016
Taklimat Bersama ANULAE	03 Mei 2016
Mesyuarat Pembukaan Audit MS ISO 9001:2008	10 Mei 2016
Penutup Audit MS ISO 9001:2008	03 jun 2016
Ceramah Ambang Ramadhan	27 Jun 2016
	29 Jun 2016
Mesyuarat Penuh MPS	Sepanjang Tahun 2017

2. Bahagian Penerbitan

- Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan penerbitan dan percetakan bahan-bahan maklumat Majlis.
- Merancang, mengurus dan memantau pendokumentasian pengurusan keseluruhan proses penerbitan.
- Menghasilkan dan menyediakan design dan *layout* majalah, *brochures*, kad hari raya, poster, buku cenderamata, *leaflet*, pelekat, *backdrop* untuk pentas, diari, kalender, laporan tahunan, buku aturcara, program inovasi dan lain-lain.
- Bertanggungjawab mengendalikan promosi pameran dan maklumat.

3. Bahagian Aduan

LAPORAN ADUAN DAN MAKLUMBALAS PELANGGAN OLEH BAHAGIAN PENGADUAN AWAM, JABATAN KORPORAT BAGI TAHUN 2016

ADUAN PELANGGAN

Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 15,680 aduan. Sebanyak 15,680 aduan yang telah berjaya diselesaikan dan jumlah peratus keseluruhan bagi aduan adalah sebanyak 100%.

Setiap aduan yang diterima dipanjangkan kepada jabatan-jabatan berkaitan dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Korporat agar setiap aduan dapat diselesaikan. Berdasarkan statistik terbaru dapat dilihat peningkatan aduan yang diterima dan Jabatan Korporat memohon agar jabatan yang berkaitan berusaha mengambil tindakan dan penyelesaian yang lebih berkesan dalam menangani aduan terutama aduan yang berulang.

Mesyuarat Penyelesaian Aduan diadakan sebulan sekali bagi membantu jabatan membincangkan dan menyelesaikan aduan-aduan yang tertunggak dan kritikal.

MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN

Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan borang soal-selidik (e-Soal) di setiap kaunter hadapan MPS. Selaras dengan misi dan visi untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, maklum balas orang ramai telah dibuat analisa bagi tujuan memperbaiki sistem perkhidmatan dan membuat cadangan penambah baikan kepada pihak pengurusan di mesyuarat koordinasi, langkah-langkah pembaikan yang boleh dibuat.

Terdapat 25 jenis urusan yang disenaraikan untuk dinilai pelanggan. Daripada jumlah tersebut, 5 urusan tertinggi pelanggan yang datang ke MPS bagi bulan Januari hingga Disember 2017 adalah seperti berikut :

Jenis Urusan	Peratusan Urusan Tertinggi
Layanan Kaunter Perkhidmatan	32%
Aduan Pelanggan	25%
Kompaun dan Saman	15%
Permohonan Lesen	16%
Urusan Pelanggan Dalaman	12%

JUMLAH KERATAN AKHBAR

Tahun	Jumlah Keratan
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab di dalam beberapa aktiviti yang harus dikendalikan seperti merancang, penyelenggaraan dan mengurus harta Majlis Perbandaran Selayang, mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan dan mengurus serta memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS. Jabatan ini diketuai oleh Pn. Norshima binti Norzlan dan dibantu oleh 150 orang kakitangan dibawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menjalankan dan menyediakan laporan penilaian ke atas pegangan berkadar dalam kawasan MPS berdasarkan Akta 171 bagi maksud cukai taksiran.
- Memproses tuntutan caruman bantuan kadar bagi pegangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Memproses permohonan tuntutan eluan kekosongan bagi pegangan berkadar yang tidak dapat didiami atau bagi bangunan kosong.
- Mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan.
- Bertanggungjawab mengemaskini maklumat pegangan.
- Menyediakan laporan penilaian bagi harta-harta MPS untuk tujuan sewaan, insuran dan gadaian.
- Menguruskan sewaan premis sewaan MPS
- Bertanggungjawab menguruskan kemudahan-kemudahan awam seperti stadium, kompleks sukan dan dewan-dewan.
- Menyediakan peralatan untuk majlis-majlis rasmi MPS.
- Bertanggungjawab mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS.
- Menguruskan proses perolehan kerja/ perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal.

1. Bahagian Penilaian

SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) TAHUN 2017

Perkara	Pegangan	Jumlah Tuntutan (RM)
SMK Persekutuan	3883	RM 1,493,398.25
SMK Negeri	255	RM 84,425.64
SMK Badan Berkanun	270	RM 81,857.25
JUMLAH	4408	RM 1,659,681.14

— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2017 MENGIKUT JENIS KEGUNAAN

Kategori Harta	Jumlah Pegangan (Unit)	Jumlah Cukai Taksiran Setahun (RM)
Kediaman	176,708	RM 52,767,681.81
Perniagaan	16,782	RM 23,491,705.68
Perusahaan	6,098	RM 29,933,856.06
Harta Khas	287	RM 1,180,158.61
JUMLAH	199,875	RM 107,374,102.16

2. Bahagian Penswastaan

SENARAI PROJEK SEHINGGA TAHUN 2017

Keterangan	Bilangan
Projek Usahasama	2
B.O.T	11

SENARAI SEWA TAPAK DAN PREMIS SEHINGGA TAHUN 2017

Keterangan	Bilangan
Sewa Tapak	102
Rumah Rehat	
- Bayou Lagoon Park Resort, Melaka	2
- The Hibiscus, Port Dickson	
Kedai Pejabat	
- Selayang 18 (8 Unit)	
- Taman Sri Gombak (1 Unit)	10
- Bandar Baru Kundang (1 Unit)	

3. Bahagian Pengurusan Harta

SENARAI HARTA SEWAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2017

Zon / Tempat	Jumlah Unit	Jumlah (RM)
Kepong	166	
1. Gerai	29	
2. Seri	122	
3. Selera	5	327,920.00
4. Kiosk		
5. Bengkel	10	

LAPORAN TAHUNAN 2017

Zon / Tempat	Jumlah Unit	Jumlah (RM)
Selayang	349	
1. Gerai	239	
2. Seri Selera	80	
3. Seri Kuih	4	937,245.00
4. Kiosk	4	
5. Medan Selera	22	
Gombak	445	
1. Gerai	268	
2. Seri Selera	159	
3. Kiosk	4	
4. Bengkel	5	1,083,047.28
5. Rumah Sewa	6	
6. Rumah Kedai	3	
Rawang	261	
1. Gerai	105	
2. Seri Selera	153	
3. Kiosk	1	630,485.00
4. Rumah Kedai	2	
Pasar	795	
1. Pasar Moden MPS Rawang	430	
2. Pasar Moden MPS Taman Sri Gombak	88	
3. Pasar MPS Harian Batu Arang Fasa 1	25	
4. Pasar MPS Haria Batu Arang Fasa 2	35	300,440.00
5. Pasar Moden MPS Bandar Country Homes	190	
6. Pusat Penjaja & Pasar Harian (Sementara) Taman Ehsan	27	

4. Unit Kemudahan Awam

SENARAI HARTA SEWAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2017

Keterangan	Pendapatan 2017
Dewan	
• 16 Dewan MPS	RM473,584.85
• 33 Padang MPS	
Kompleks Sukan Sri Siantan, MPS	RM203,823.35
Stadium MPS	RM268,710.28
Taman Rimba Bukit Lagong	
• 12 kabin	
• Dewan Terbuka	
• Dewan Makan	
• 40 Tapak Perkhembahan	RM34,403.96

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Merancang, mengurus dan melaksanakan takwim tahunan program belia, sukan dan masyarakat.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan

pelbagai aktiviti dan program pembangunan belia, masyarakat, sukan dan kebudayaan.

- Menyelaras, membantu dan mengkoordinasi program sukan dan kebudayaan, belia dan kemasyarakatan yang melibatkan Majlis di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
- Program ini turut dibantu oleh Pusat-Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang terdapat di kawasan pentadbiran MPS seperti PWB Taman Templer, Batu Caves, Gombak Setia, Rawang dan juga Kuang.
- Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan pencapaian kaum wanita di serata dunia khususnya wanita Selayang. Selain itu, secara tidak langsung penghargaan yang diberikan ini juga akan memberi galakkan kepada golongan wanita supaya berusaha memajukan diri dalam apa jua bidang yang berbentuk keusahawanan.

Majlis Hi-Tea Sempena Sambutan Hari Wanita Peringkat MPS 2017

- Pada 8 Mac 2017 bertempat di Lobi Menara MPS, telah diadakan Majlis Hi-Tea sempena Sambutan Hari Wanita. Program ini merupakan program pertama yang akan dianjurkan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS bagi tahun 2017 dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK), MPS yang turut memberi sumbangan penajaan bagi penganjuran program ini.
- Program ini merupakan Majlis Hi-Tea yang diadakan untuk meraikan golongan wanita serta memberi pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan, pengorbanan serta perjuangan wanita dalam bersama-sama membantu membangunkan masyarakat dan negara.



Pertandingan *Battle Of The Band* MPS 2017

- Program *Battle Of The Band* (BOTB) MPS 2017 dijadikan sebagai satu landasan bagi menonjolkan bakat dalam diri di kalangan penggiat-penggiat seni jalanan dan menjadikan aktiviti ini sebagai satu medium/platform untuk menghargai serta memberi peluang dan ruang akan kewujudan kumpulan-kumpulan penggiat seni yang berbakat besar untuk diketengahkan. Program telah diadakan di Kompleks Muhibbah Taman Bolton, Batu Caves, Bertarikh 10 April 2017.
- Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan khususnya kepada golongan

belia dalam bidang kesenian dan kebudayaan, menggalakkan penglibatan masyarakat Selayang dalam program-program di bawah anjuran Majlis Perbandaran Selayang, menggalakkan



persefahaman budaya, meningkatkan keharmonian dan memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan melalui penglibatan penduduk tempatan.

- Untuk makluman sebanyak 18 buah kumpulan kugiran telah menyertai pertandingan ini. Pihak penganjur telah menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM 5,550.00. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Amirudin Bin Shari Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan Negeri Selangor.

Kejohanan Tenis Dan Ping Pong MAKSAK Malaysia 2017

Bertempat di Dewan C, MITC Ayer Keroh & Kompleks Tenis Ayer Keroh Melaka, telah diadakan Kejohanan Tenis dan Ping pong MAKSAK Malaysia pada 14 hingga 17 April 2017.

- Majlis Perbandaran Selayang telah dilantik selaku Bapa Angkat bagi pasukan Tenis dan Ping Pong MAKSAK Negeri Selangor sempena Kejohanan Tenis dan Ping Pong MAKSAK Malaysia 2017. Kontinjen MAKSAK Selangor telah diketuai oleh Tuan Suliman Bin Abd Rahman selaku ketua kontinjen dan turut disertai oleh seramai 37 orang yang terdiri daripada urus setia, pengurus pasukan, jurulatih, pegawai perubatan dan

atlet yang merupakan staf dari ahli-ahli badan gabungan yang telah dipilih bagi mewakili Pasukan Tenis dan Ping Pong Negeri Selangor ke kejohanan tersebut.

- Pasukan Ping Pong Negeri Selangor telah dinobatkan selaku juara keseluruhan dan berjaya merangkul hadiah wang tunai berjumlah RM 1,200.00. Manakala pasukan tenis Negeri Selangor hanya berjaya melayakkan diri di peringkat suku akhir sahaja.



Kejohanan 8th Kundang International Jetsports Challenge 2017

- Bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Yang Ke-59 Tahun, Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Tourism Selangor serta Persatuan Jet-Ski dan Sukan Air Selangor (PJSAS) telah berjaya menganjurkan Kejohanan 8th Kundang International Jetsports Challenge 2017 pada 27 hingga 28 Ogos 2017, bertempat di Tasik Biru Kundang, Kuang Rawang
- Hampir lebih kurang 26 buah pasukan dari negara Serantau Asia seperti England, Brunei, Jepun, Indonesia dan Singapura telah menyertai kejohanan ini termasuklah beberapa pasukan yang mewakili negeri dan kebangsaan seperti Langkawi Guys, Ipoh Jet Sports, Manjung Teams, Island Boys, Selangor Racing Team (Selangor), PJSAS, Jet Star Racing, EME Jet Sky Racing Team, Meganrata Jet Sport (Malaysia), Johor Racing Team (Johor), Pangkor Jet Sports (Perak), Perak Jet Sports Club (Perak), Terengganu Jet Sky Team (Terengganu), CTM Club, RCT Meganratta, Jet Pro

Water Sports Club, dan Kundang Team.

- Hadih kejohanan yang ditawarkan pada kejohanan kali ini amat lumayan dan berjumlah sebanyak RM 37,150.00 beserta trofi dan sijil penyertaan. Terdapat 9 kategori telah dipertandinggkannya iaitu Runabout 4 Stroke Open, Runabout 2 Stroke Open, Runabout 4 Stroke Limited, Veteran 4 Stroke Limited, Ski Open, Sport Open, Novice 4 Stroke Runabout Limited (EME), Runabout Spark (MEGANRATA) dan Ski Stock.

Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA)

Ke-18, 2017

- Sukan Malaysia atau SUKMA Ke-18, 2017 Perlis telah melabuhkan tirainya pada 31 Julai 2017 yang lalu. Kontinjen Negeri Selangor telah dinobatkan selaku juara keseluruhan dengan merangkul 59 pingat emas, 73 pingat perak dan 63 pingat. Secara keseluruhannya kontinjen Selangor telah berjaya mengumpul jumlah pingat sebanyak 195. Majlis Majlis Perbandaran Selayang sekali lagi telah dilantik selaku bapa angkat kepada 2 kontinjen sukan iaitu Pasukan Menembak dan juga Pasukan Berbasikal.
- Bagi pencapaian pasukan angkat MPS Pasukan Menembak telah berjaya memperoleh 6 pingat emas, 7 pingat perak dan 5 pingat gangsa dan menjadikan jumlah kutipan pingat sebanyak 18 pingat. Manakala Pasukan Berbasikal pula berjaya meraih 3 pingat emas, 7 pingat perak dan 3 pingat gangsa dan jumlah kutipan keseluruhan bagi acara berbasikal sebanyak 13 pingat.
- Sukan Malaysia atau SUKMA Ke-18 ini telah diadakan di Sarawak Bumi Kenyalang pada 19 hingga 31 Julai 2017

Program Pagi Tanpa Kenderaan Majlis Perbandaran Selayang 2017

- Program Pagi Tanpa Kenderaan merupakan kempen yang dilancarkan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan dan pelepasan asap karbon monoksida yang boleh menyebabkan pencemaran udara disamping meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar di kalangan

masyarakat. Program ini merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Negeri Selangor, Jawatankuasa Kerja Local Agenda 21 MPS, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS, Rawang Lake Sdn Bhd dan Arb. Cycling Team.

- Antara pengisian program yang disediakan pada program tersebut adalah aktiviti santai seperti berjalan kaki, berbasikal, berkasut roda dan papan luncur. Selain daripada aktiviti santai pihak Majlis turut mengadakan Ceramah Jom Sihat serta cabutan bertuah.
- Dengan adanya program ini, secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada penduduk dan orang ramai melakukan pelbagai aktiviti riadah di sekitar kawasan Bandar Tasik Puteri tanpa sebarang gangguan lalu lintas. Penyertaan peserta pada penganjuran ini dianggarkan seramai hampir 1,500 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan kaum. Program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang.



JABATAN **AUDIT DALAM**

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN AUDIT DALAM

Jabatan Audit Dalam Majlis Perbandaran Selayang telah diwujudkan pada tahun 2003 selaras dengan Perkeliling Perbendaharaan Bil.9 tahun 2004. Jabatan Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Laporan Audit yang dihasilkan adalah berdasarkan semakan dan pemerhatian fizikal serta soal jawab bersama auditor dalam memberi pendapat dan syor yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Aktiviti pengauditan yang dijalankan memberi penekanan kepada aspek-aspek pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan berkaitan dengan organisasi, dasar, peraturan dan prosedur yang telah dikuatkuasakan bagi mengukuhkan sistem kawalan dalaman kewangan dan pentadbiran.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Audit Dalam MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memeriksa dan mengkaji kelancaran serta kesesuaian perjalanan sistem kawalan dalaman Majlis yang telah sedia ada. Seterusnya mengemukakan cadangan pembetulan bagi memperbaiki sebarang kepincangan yang dikenalpasti.
- melaksanakan tugas audit pengurusan dengan menyemak dan meneliti perjalanan serta operasi pengurusan setiap jabatan untuk memastikan pergerakannya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar-dasar yang telah ditetapkan.
- Menjalankan Audit Prestasi ke atas projek-projek Majlis yang telah dijalankan dengan meneliti sama ada ianya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Menjalankan tugas audit kewangan ke atas setiap hal ehwal pengurusan kewangan Majlis untuk memastikan beberapa prinsip audit kewangan dipatuhi.
- Menjalankan audit pematuhan/ khas dengan mengesan perbuatan salah laku.
- Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- Menjalankan siasatan ke atas aduan dan kes-kes yang melibatkan tatatertib.



LAPORAN TAHUNAN JABATAN AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2017

Perkara	Kuantiti Sasaran	Pencapaian	Peratus Pencapaian	Impak
Pengauditan Pengurusan	3 Laporan	3 Laporan	100%	Pengurusan mempunyai struktur, kuasa, sistem dan prosedur bagi mencapai matlamat pengurusan yang berkesan
Pengauditan Kewangan	4 Laporan	4 Laporan	100%	Mempertingkatkan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman jabatan.
Pengauditan Prestasi	4 Laporan	4 Laporan	100%	Penilaian terhadap aktiviti Majlis untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan
Pengauditan Khas	9 Laporan	9 Laporan	100%	Aspek prestasi pengurusan kewangan Majlis dinilai bagi memastikan pematuhan prosedur dan undang-undang yang ditetapkan.
Pemeriksaan Mengejut (AP 308 & 309)	2 Laporan	2 Laporan	100%	Segala prosedur kutipan mematuhi pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan serta diakuankan dan disimpan dengan selamat.

JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab mengendalikan 8 aktiviti utama iaitu menyemak penjualan dan menyediakan dokumen, menyediakan dokumen tender, menguruskan penjualan dokumen sebutharga dan tender termasuk menyediakan notis iklan, menyediakan laporan penilaian sebutharga/tender, menyemak dokumen kontrak, mesyuarat jawatankuasa sebutharga dan tender, mesyuarat jawatankuasa teknikal dan kewangan perunding dan pelupusan aset. Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan diketuai En. Hafizan Bin Khamis sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu seramai 9 orang kakitangan. Pengurusan Perolehan Majlis Perbandaran Selayang diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akuantabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik serta saingan secara terbuka, adil dan saksama. Majlis telah melaksanakan tender dan sebutharga secara terbuka untuk memberi peluang kepada kontraktor untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Selayang selain mewujudkan saingan secara sihat dan pemilihan ke atas kos yang menguntungkan Majlis. Majlis juga memastikan pelaksanaan kerja dapat dibuat dengan sempurna.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menguruskan proses tender dan sebutharga bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan termasuk membuat kajian harga pasaran.
- Menguruskan penyediaan dokumen kontrak bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender, Jawatankuasa Sebutharga dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.



PELAKSANAAN SEBUTHARGA DAN TENDER TERBUKA

Perkara	Kuantiti
Tender	88
Sebutharga	230
JUMLAH	318

PELAKSANAAN SEBUTHARGA DAN TENDER MENGIKUT PECAHAN

Perkara	Kuantiti
Bekalan	31
Perkhidmatan	70
Kerja	217
JUMLAH	318

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu mengurus dan menyelaras terhadap keperluan perkakasan ICT, sistem aplikasi, sistem rangkaian komputer dan keselamatan pangkalan data Majlis. Jabatan Teknologi maklumat diketuai oleh En. Hasmawi Bin Mat Junit sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 20 orang kakitangan dibawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Merancang dan mengurus aktiviti perkomputeran majlis seperti keselamatan ICT, Jaringan rangkaian dan pembekalan peralatan komputer Majlis.
- Merancang, merekabentuk dan membangunkan sistem aplikasi untuk menyokong operasi Majlis.
- Mengurus dan mentadbir dan pengoperasian pusat data

1. Aktiviti Sistem

- Majlis Perbandaran Selayang telah menggunakan sistem pengkomputeraan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Ini termasuklah daripada kerja-kerja menyimpan maklumat penilaian, pengeluaran bil taksiran, kutipan, belanjawan, pengurusan aset Majlis dan lain-lain lagi. Sistem-sistem yang digunakan di MPS terbahagi kepada dua iaitu Sistem Integrasi Majlis dan Sistem Aplikasi Sokongan.
- Dalam Jabatan Teknologi Maklumat dalam usaha meningkatkan penyampaian saluran kepada orang awam dengan membolehkan kompaun dibayar menerusi atas talian. Semua perkhidmatan atas talian ke Majlis yang lain boleh dicapai menerusi laman web MPS.

2. Keselamatan ICT

- Bagi melindungi aset ICT Majlis, mengurangkan impak insiden keselamatan ICT dan menjamin kesinambungan perkhidmatan, Jabatan Teknologi Maklumat melaksanakan kawalan terhadap capaian rangkaian keluar dan masuk MPS serta pencerobohan ke atas server.
- Warga MPS juga diberi maklumat dan pendedahan isu-isu keselamatan ict melalui taklimat Dasar Keselamatan ICT. Sehingga ke masa ini, tiada pencerobohan di tahap kritikal yang berlaku ke atas rangkaian Majlis. Selain itu, bagi menyokong keselamatan ICT Jabatan, pemasangan perisian anti virus juga telah dilakukan di semua komputer.

3. Laman Web MPS

- Pada tahun 2015, MPS telah berjaya mendapat pengiktirafan Laman Web Bertaraf 3 Bintang pada Anugerah Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2015. Penilaian ini telah dilaksanakan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

4. Status Penyelesaian Aduan ICT

- Jabatan Teknologi Maklumat juga menerima dan menyelesaikan aduan-aduan berkaitan peralatan ICT dan aplikasi Majlis. Berikut adalah jumlah penyelesaian aduan mengikut kategori.

Kategori	Jumlah Aduan
Peralatan ICT dan Rangkaian	765
Aplikasi SIM	654
Aplikasi Sokongan	140



Portal Rasmi
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

LAMAN UTAMA MPS RAKYAT PERNIAGAAN PELAWAT

GUA BATU CAVES SELAYANG

JABATAN
PESURUHJAYA BANGUNAN
(COB)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu mendaftar profil kawasan pemajuan, penubuhan JMB/panggilan JMB/panggilan mesyuarat pertama JMB dan pendaftaran serta perakuan JMB. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) diketuai oleh En. Aminuddin Bin Hussein sebagai pengarah jabatan dengan dibantu seramai 12 orang kakitangan.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mengurus dan mengawal selia penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi pengurusan dan penyenggaraan harta bersama skim pemajuan berstrata.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang Akta 663 dan Bahagian VI dan VII dalam Akta 318 dan Akta 757.
- Melapor status Badan Pengurusan dan skim pemajuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) / Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan.

STATUS PENUBUHAN JMB/MC

Bilangan Kawasan Pemajuan (Petak)			Pihak Pengurusan				
<10 (Petak)	>10 (Petak)	Jumlah Petak	Pemaju	JMB	MC	Ejen	Lain-lain
2 (16)	286 (77,784)	288 (77,800)	21	129	85	-	53

SEMINAR, TAKLIMAT DAN DIALOG KEPADA JMB/MC

Perkara	Tarikh	Tempat
Sesi 'Townhall' Ahli Majlis Zon 11'	21/10/2017	Amansiara TownHouse, Selayang
Program Hari Perpaduan Sempena Deepavali KRT Tmn. Prima Selayang	22/10/2017	Tmn. Prima Selayang
Program Inisiatif Perumahan Bagi Kawasan DUN Tmn. Templer	26/11/2017	Apartment Batai, Selayang

— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

Perkara	Tarikh	Tempat
Program Kutipan Cukai dan 'Reissue Title' di Apartment Las Palmas, Bandar Country Home	02/12/2017	Apartment, Las Palmas, Bandar Country Home
Taklimat Khas Berkaitan Pengurusan dan Pentadbiran	10/12/2017	Flat Tmn. Bidara

STATISTIK ADUAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2017

Jenis Aduan	Setahun
Mesyuarat dan Pemilihan (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan)	15
Pentadbiran dan Pengurusan (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab b, kerjasama dan pertikaian)	34
Penyenggaraan dan Kerosakan (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	77
Isu Kewangan (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan dan Kumpulan Wang Penjelas)	6
Khidmat Nasihat (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	36
Penguatkuasaan COB (Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta)	0
Lain-lain (Sila nyatakan jenis aduan yang diterima)	153
JUMLAH	311

PENGELUARAN NOTIS PERINGATAN SERAHAN AUDIT AKAUN OLEH JMB/MC

Program	Catatan
Notis peringatan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB)	113 Skim
Notis peringatan kepada Perbadanan Pengurusan (MC)	81 Skim

LAPORAN TAHUNAN 2017

PENGELUARAN NOTIS INDIVIDU & NOTIS UMUM KEPADA PEMILIK YANG GAGAL MEMBAYAR CAJ PENYENGGARAAN BANGUNAN

Tarikh	Nama Pangsapuri	Jumlah Tunggakan (RM)	Unit
17/03/2017	Urban 360	43,563.60	6
28/07/2017	Andari Townvilla 2	13,012.36	3
28/07/2017	Andari Townvilla 1	85,227.91	16
22/08/2017	Kristal Heights Blok C	80,080.35	11
23/10/2017	Anggun City	23,427.30	12
25/10/2017	Anggun 2	36,854.18	7
10/11/2017	Tun Teja Fasa 1	84,708.44	17
18/12/2017	Tun Teja Fasa 1	56,957.94	10
19/12/2017	Laksamana Jaya B	8,981.20	4
JUMLAH		389,249.68	80

PROGRAM DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2017

Program	Skim
Skim Rebet Air (SAFWA)	16
Skim Ceria :	
• Permai Ceria	-
• LE Ceria	-
• Ceria	3
K-INOVASI	2
Laman Hijau	2
Anugerah Jimat Air	2
K-KLIK	1
SKORA	-
Skim K-STAC	-
Skim Seroja	10
SMART Life	
• Lif	3
• Cat	3
K-SQUAD	3

JABATAN
PESURUHJAYA SETEMPAT
(OSC)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PESURUHJAYA SETEMPAT (OSC)

Jabatan Pusat Setempat (OSC) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu menyeragamkan prosedur dan proses permohonan, memendekkan norma masa dan memudahkan cara proses permohonan dan menyelaras serta mempercepat proses kelulusan permohonan pembangunan tanah yang meliputi permohonan kebenaran merancang, permohonan kerja tanah, permohonan jalan dan perparitan, permohonan pelan bangunan dan permohonan landskap.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pusat Setempat(OSC) MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menerima, menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima melalui OSC.
- Mengurus setia mesyuarat jawatankuasa pusat setempat MPS dalam tempoh 2 kali sebulan.

- Memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jabatan Pusat Setempat MPS bagi permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon.

Jenis-Jenis Permohonan Pemajuan Yang Diterima Di Kaunter OSC

Pada dasarnya, Jabatan Pusat Setempat (OSC) menerima dan mendaftar permohonan-permohonan yang lengkap untuk diproses bagi 2 kategori permohonan iaitu serentak dan bersaingan. Bagi permohonan serentak terdapat 6 jenis permohonan manakala permohonan bersaingan terdapat 32 jenis permohonan. Di antara jenis-jenis permohonan serentak dan bersaingan yang diterima adalah seperti berikut:

Permohonan Serentak:

1. Kebenaran Merancang, Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan.
2. Kebenaran Merancang, Kerja Tanah dan Jalan Dan Perparitan.
3. Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan.

4. Kebenaran Merancang dan Kerja Tanah.

5. Kerja Tanah dan Jalan Dan Perparitan.

6. Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan.

Permohonan Bersaingan:

1. Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan Tanah (124A KTN)
2. Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN)
3. Kebenaran Merancang dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan (124A KTN) atau Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN).
4. Kebenaran Merancang (Pelan Induk)

- | | |
|----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan/Fasa) | 26. Permit Untuk Pembinaan Kecil atau Perubahan dan Tambahan Kecil Selaras UUK 18, UKBS 1984 |
| 6. Kebenaran Merancang Permit Tahunan Bangunan Sementara | 27. Permit Bangunan Sementara – Permit Sementara Untuk Bangunan/ Struktur Sementara Selaras UUK 19, UKBS 1984 |
| 7. Kebenaran Merancang Kilang Sesebuah | 28. Pengemukaan Borang B - Pelan Bangunan |
| 8. Kebenaran Merancang Telekomunikasi | 29. Pengemukaan Laporan Siap Kerja, Borang G1-G21 dan Borang F |
| 9. Kebenaran Merancang Rumah Sesebuah | 30. Permohonan Lawatan Tapak Untuk Sokongan CFO |
| 10. Kebenaran Merancang Tambahan Tingkat | 31. Permohonan Pengemukaan Borang E dan Pengeluaran CFO Oleh PBT |
| 11. Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan | 32. Pelan Landskap |
| 12. Pindaan Kebenaran Merancang | Permohonan yang tidak lengkap atau di luar skop jenis permohonan tidak akan diterima untuk diproses di Jabatan Pusat Setempat. |
| 13. Perlanjutan/ perlanjutan Tambahan Kebenaran Merancang | |
| 14. Tukar Guna Bangunan (Tadika/Taska/Taski/Pusat Jagaan) | |
| 15. Tukar Guna Bangunan (Komersial/Hotel Budget) | |
| 16. Perakuan Pre-Com dan Penyerahan Data Digital/ Pelan Pra-Hitungan | Berdasarkan piagam yang telah ditetapkan oleh KPKT, tempoh proses adalah bermula dari 14 hari hingga 111 hari (ada RT) dan 14 hari hingga 139 hari (tiada RT) bergantung kepada jenis permohonan pemajuan, klasifikasi dan lokasi samada dalam kawasan Rancangan Tempatan atau sebaliknya. Tempoh tersebut dikira bermula dari tarikh permohonan lengkap didaftarkan sehingga keputusan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat. |
| 17. Naman Taman | |
| 18. Nama Bangunan, Jalan dan Alamat | |
| 19. Kerja Tanah | |
| 20. Kerja Tanah Kecil | |
| 21. Pelan Jalan dan Perparitan | |
| 22. Pelan Lampu Jalan | |
| 23. Pengemukaan Borang B – Kerja Tanah | |
| 24. Pelan Bangunan (PB) | |
| 25. Pindaan Kepada Pelan Kelulusan – Pelan Bangunan | |

Tempoh Masa Memproses

Berdasarkan piagam yang telah ditetapkan oleh KPKT, tempoh proses adalah bermula dari **14 hari hingga 111 hari (ada RT) dan 14 hari hingga 139 hari (tiada RT)** bergantung kepada jenis permohonan pemajuan, klasifikasi dan lokasi samada dalam kawasan Rancangan Tempatan atau sebaliknya. Tempoh tersebut dikira bermula dari tarikh permohonan lengkap didaftarkan sehingga keputusan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat.



LAPORAN TAHUNAN 2017

STATUS PERMOHONAN BAGI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2017

Jenis Permohonan	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Diluluskan	Permohonan Lulus Bersyarat	Permohonan (Tangguh/Batal/Ubahsuai/Tolak/Rekod)	Bil Permohonan/Jumlah
Permohonan Serentak	0	6	4	1	41
Kebenaran Merancang	1	75	114	13	203
Pelan Kejuruteraan	0	33	98	8	139
Pelan Bangunan	0	39	97	5	141
CFO	0	0	0	2	2
CCC (Deposit)	-	-	-	-	-
JUMLAH	1	153	343	29	526

BILANGAN PERMOHONAN SELESAI DALAM TEMPOH PIAGAM

Jenis Permohonan	Bil Permohonan	Permohonan Selasai (a)=b+c	Permohonan Selasai Dalam Piagam (b)	Permohonan Selesai Melebihi Piagam (c)
Permohonan Serentak	41	41	41	0
Kebenaran Merancang	203	201	201	0
Pelan Kejuruteraan	139	139	136	3
Pelan Bangunan	141	141	137	4
CFO	2	2	2	0
JUMLAH	526	524	517	7
PERATUS (%)		99.62	98.66	1.34

UNIT INTEGRITI

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti MPS telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhan Unit Integriti adalah bagi menyedapkan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang. Unit Integriti MPS diketuai oleh En. Mohammad Faiz dan dibantu 3 orang staf.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Unit Integriti MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatatertib dalam organisasi.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatatertib dalam etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.
- Melaksanakan fungsi Urus Setia Lembaga Tata Tertib, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

STATISTIK LAPORAN LTT 2017

Jenis Kesalahan	Jan-Mac	April-Jun	Jul-Sept	Okt-Nov
Rasuah/salah guna kuasa/penyelewengan	0	0	0	0
Tuntutan Palsu	0	0	0	0
Tipu/pecah amanah	0	0	0	0
Kesalahan Pentadbiran				
• Tatatertib				
• Salah laku kakitangan	0	24		0
• Tidak Hadir Bertugas			10	
• Keterhutangan yang serius				
JUMLAH	0	24	10	0

MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) MPS 2017

Unit Integriti telah melaksanakan sebanyak 3 kali Mesyuarat Jawatankuasa Integriti JITU) bagi tahun 2017 iaitu pada :

Bil. Mesyuarat	Tarikh
Bil 01/2017	26/04/2017
Bil 02/2017	20/06/2017
Bil 03/2017	14/09/2017

BAHAGIAN URUS SETIA

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BAHAGIAN URUS SETIA

Selaras dengan kehendak kerajaan sesuatu mesyuarat yang diadakan memainkan peranan untuk merancang pelaksanaan sesuatu dasar dan program kerajaan, memperolehi nasihat dari pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam perkara tertentu, menyelaras dan menyatukan usaha-usaha pelaksanaan sesuatu program supaya tindakan-tindakan yang dilakukan oleh semua agensi kerajaan yang terlibat bersepadau dan harmoni, dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan sesuatu program melalui keputusan sesebuah mesyuarat. Bahagian Urus Setia berperanan untuk membantu keberkesanan fungsi sesebuah mesyuarat dengan menjalankan tugas-tugas seperti merancang dan mengatur mesyuarat, menghantar surat jemputan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat. Di samping itu, Bahagian Urus Setia juga bertanggungjawab mewujudkan satu sistem pengesahan bagi memastikan status tindakan ke atas keputusan-keputusan mesyuarat.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Bahagian Urus Setia MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menyediakan minit mesyuarat dan mengedarkan setelah diperakuan oleh Majlis untuk tindakan pihak berkenaan.
- Menguruskan semua Mesyuarat Jawatankuasa Majlis dan lain-lain mesyuarat yang diarahkan.
- Mengurus hal ehwal Ahli Majlis termasuk aktiviti dan pembayaran peruntukan jawatankuasa penduduk setiap zon.

- Skim Peduli Sihat
- Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)
- Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)
- Skim Bantuan Asuhan Selangor (SIKEMBAR)

BILANGAN MESYUARAT

JAWATANKUASA PADA TAHUN 2017

Tajuk Mesyuarat	Jumlah
Mesyuarat Majlis MPS	12
Jawatankuasa Kewangan	12
Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan	12
Jawatankuasa Infrastruktur	8
Jawatankuasa Pengindahan Bandar	12
Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	9
Jawatankuasa Kemasyarakatan	7
Jawatankuasa Penswastaan & Pelaburan	2

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mulai Mac 2008 dan kini dikenali sebagai **Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)**. Sehubungan dengan itu, Bahagian Urus Setia telah diberikan mandat untuk mengedarkan borang-borang di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) mulai tahun 2011.

Antara borang-borang Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diedarkan oleh Bahagian Urus Setia adalah seperti berikut:

- Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
- Hadiah Pengajian IPT
- Insentif Perkahwinan Belia

kawasan Pelancongan MPS

01

Gua Batu Caves

Kawasan ini terletak 13km dari Bandaraya Kuala Lumpur. Gua Batu Caves merupakan Gua Batu Kapur yang telah wujud lebih seratus tahun dahulu di mana dalamnya terbentuk stalakait dan stalaktit yang begitu indah dengan ketinggian 100 meter.

Ia lebih popular di kalangan penganut agama Hindu yang mengadakan sambutan Perayaan Thaipusam di situ pada setiap tahun di mana hampir sejuta orang penganut agama Hindu akan datang ke Batu Caves. Untuk sampai ke puncak pintu gua Batu Caves, seseorang perlu mendaki sejumlah 272 anak tangga disamping melihat keindahan pemandangan dari puncak tangga.



02

Taman Ekstrem Gua Damai

Taman Ekstrem Gua Damai terletak berhampiran dengan Batu Caves. Bagi penggemar 'rock climbing' Taman Ekstrem ini dijadikan sebagai tempat latihan dan aktiviti memanjat gunung. Kawasan sekitarnya dipelihara dengan baik dan terdapat kemudahan awam disediakan di sini antaranya lampu untuk memanjat di waktu malam, tempat letak kereta, tandas dan kawasan permainan bagi kanak-kanak.

03

Hutan Lipur Bukit Lagong

Hutan Lipur Bukit Lagong merupakan salah satu kawasan eko-pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor. Terletak 15 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, hutan lipur ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti wakaf, gerai buah, tandas, dua jambatan dan juga bilik persalinan.



04

Hutan lipur Sungai Tua

Berhampiran Empangan Batu, Hutan Lipur Sg. Tua merupakan hutan simpan dan rekreasi yang mempunyai air terjun yang menarik.



05

Taman Rimba Templer

Taman Rimba Templer terletak di Hutan Simpan Kanching yang mempunyai jenis Hutan Dipterokarp Pamah. Hutan Lipur ini menyediakan beberapa kemudahan untuk keserasian pengunjung melakukan aktiviti di sini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti kemudahan untuk mandi, berkelah, berkhemah, *trekking* dan *jogging*. Disini juga pengunjung boleh bersiar-siar sambil melihat keindahan landskap, flora dan fauna yang terdapat di kawasan ini.

06

Muzium Orang Asli

Muzium Orang Asli terletak di Jalan Gombak kira-kira 20 km dari Kuala Lumpur. Muzium ini memamerkan koleksi artifak seperti sumpit buluh dan belanga yang berusia lebih dari 600 tahun selain penerangan mengenai Orang Asli.



07

Empangan Batu

Empangan ini merupakan kawasan rekreasi yang popular di kalangan penduduk tempatan. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan adalah gerai-gerai, tandas awam serta kemudahan fizikal seperti trek berjalan kaki dan *jogging* serta kawasan permainan kanak-kanak. Terdapat cadangan untuk memajukan penginapan berbentuk chalet dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain serta aktiviti sukan air tidak bermotor seperti berkayak.

08

Tasik Biru Kundang

Tasik ini merupakan kawasan bekas lombong yang agak popular di kalangan penduduk setempat terutama pada hujung minggu. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan untuk para pelawat ialah gerai penjaja. Antaranya aktiviti yang dilakukan di tasik ini termasuklah permainan jet ski yang semakin popular pada masa kini.



09

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Terletak di Kepong dengan keluasan 600 hektar, FRIM dikelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Lagong. Pakej melawat hutan yang ditawarkan memberi peluang untuk aktiviti luar seperti rekreasi dan pendidikan umum. FRIM turut menjadi lokasi yang begitu popular kepada mereka yang gemar berkelah, berlari, berbasikal di samping melancong serta mengkaji alam semula jadi.

Tidak ketinggalan, FRIM juga terkenal sebagai tempat untuk mengadakan hari keluarga, pertandingan mencari harta karun, berkhemah, meninjau burung, menjelajah hutan dan sesi fotografi. Tempat yang pada mulanya merupakan sebuah kawasan terbiar lama bekas perlombongan yang kemudiannya bertukar menjadi kebun sayur, kini merupakan satu destinasi hutan yang bebas daripada pencemaran dengan udara yang lebih sejuk dan nyaman.



10

Bandar Warisan Batu Arang

Batu Arang dahulunya merupakan bandar perlombongan arang batu di Selangor, Malaysia sebelum Perang Dunia Kedua hingga tahun 1960-an. Di Bandar Warisan ini, pelawat boleh melihat tinggalan aktiviti perlombongan batu arang seperti terowong, serombong api dan sebagainya.

11

Kolam Air Panas Selayang

Kolam Air Panas Selayang atau Selayang Hot Spring terletak di utara Kuala Lumpur melalui Jalanraya utama Kuala Lumpur ke Rawang. Terdapat 3 kolam utama di sini yang membekalkan air panas semulajadi dari bawah tanah. Khasiat air panas semulajadi yang terdapat di kolam ini dipercayai boleh dijadikan sebagai perubatan alternatif merawat pelbagai jenis penyakit apabila dilakukan secara teratur dan berterusan.



12

Hutan Lipur Kanching

Terletak kira-kira 3km dari Taman Rimba Templer, Hutan Lipur ini dilengkapi dengan laluan pejalan kaki sepanjang air terjun. Seperti Taman Rimba Templer, kawasan ini masih diliputi hutan tropika yang hijau. Di beberapa lokasi terdapat kedudukan yang sesuai untuk perkhemahan dan aktiviti berkelah selain menjadi tumpuan oarang ramai terutamanya di hujung minggu. Antara kemudahan yang disediakan ialah tandas awam, tempat persalinan, gerai untuk menjaja dan kawasan letak kereta.

aktiviti tahunan **MPS 2017**



Gotong-royong Perdana EKSA
23 Januari 2017



Lawatan Delegasi Dari Sri Lanka
10 Januari 2017



Pembentangan Bajet 2018
13 Januari 2017



**Majlis Penyampaian Notis 5A
Kampung Seri Indah B. Sungai Buloh**
16 Januari 2017



Sesi Penilaian Sungai Angkat
8 Februari 2017



Lawatan Delegasi Dari Bangladesh
13 Februari 2017



Ikrar Bebas Rasuah
14 Februari 2017



**Seminar Perkasakan Pengguna,
Jangan Terjerat Dengan Ah Long**
15 Februari 2017



**Majlis Menandatangani Perjanjian
Jual beli 8 Unit Kedai Pejabat
selayang.18**
17 Februari 2017

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Belia Sukan ke Stadium MPS

12 Mac 2017



Seminar Literasi Media Perlindungan Kanak-kanak

14 Mac 2017



Lawatan Kutipan Hasil Kiosk Ke MPSJ

21 Mac 2017



Lawatan Ke Majlis Perbandaran Muar, Johor

2 April 2017



Malam Kebudayaan Masyarakat India

4 Mac 2017



Operasi Kandang Lembu

7 April 2017



Mesyuarat ICT 1 Selangor

11 April 2017



Perhimpunan Bulanan April

17 April 2017



Jom Membaca

25 April 2017

LAPORAN TAHUNAN 2017



Audit Dalaman MS ISO 9001:2015
3 Mei 2017



